KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA
DIRECTOR GENERAL OF HEALTH MALAYSIA

Kementerian Kesihatan Malaysia,
Aras 12, Blok E7, Parcel E,
Pusat Pentadbiran Kerajaan
Persekutuan,
62590 Putrajaya

Tel :603-88832545
Faks :603-88895542
E-mail :ismailmerican@moh.gov.my

KENYATAAN AKHBAR
KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA

SITUASI SEMASA
DEMAM DENGGI DAN CHIKUNGUNYA DI MALAYSIA
Bagi Minggu 47/2010 (21 hingga 27 November 2010)

Bagi tempoh 21 hingga 27 November 2010, sejumlah 629 kes Demam Denggi dengan 3 kematian telah dilaporkan, peningkatan sebanyak 39 kes atau 7% berbanding 590 kes pada minggu sebelumnya. Walau bagaimanapun, jumlah kes mingguan pada tahun ini menurun sebanyak 135 kes berbanding jumlah kes yang dilaporkan pada minggu sama tahun 2009 iaitu 764 kes. Terdapat tujuh (7) buah negeri menunjukkan peningkatan kes pada minggu lepas berbanding minggu sebelumnya iaitu WP Kuala Lumpur/Putrajaya meningkat 16 kes, Selangor dan Pahang masing-masing 11 kes, P.Pinang 9 kes, Sabah 8 kes, Terengganu 4 kes manakala N.Sembilan meningkat sebanyak 3 kes. (Lampiran A).

Jumlah terkumpul kes dari bulan Januari hingga 29 November 2010 adalah 43,543, peningkatan sebanyak 17% atau 6,265 kes berbanding dengan 37,278 kes yang dilaporkan bagi tempoh yang sama tahun 2009. Kes kematian akibat denggi juga meningkat sebanyak 64% atau 50 kematian, menjadikan jumlah keseluruhan sebanyak 128 kematian berbanding 78 dalam tempoh yang sama pada tahun 2009.

Pada minggu lepas, terdapat tiga (3) kematian Demam Denggi dilaporkan, iaitu masing-masing satu dari Johor, P.Pinang dan Sarawak. Berikut adalah maklumat mengenai kes-kes kematian tersebut.

Kes pertama melibatkan seorang lelaki berusia 22 tahun dari Johor Bahru, Johor yang bekerja sebagai penjaga stor di sebuah pasaraya. Sehari selepas mengalami demam, sakit kepala dan loya pesakit iaitu pada 13 November 2010, pesakit mendapatkan rawatan pertama di sebuah klinik di Taman Stulang, Johor Bahru. Pesakit yang disyaki mengidap Demam Denggi telah dirujuk ke Hospital Sultanah Aminah Johor Bahru pada hari yang sama serta dimasukkan ke wad dengan diagnosa *Dengue Shock Syndrome* dan seterusnya dimasukkan ke Unit Rawatan Rapi (ICU). Walau bagaimanapun, setelah 8 hari dirawat di hospital tersebut, pesakit meninggal dunia pada 21 November 2010 dengan sebab kematian *Dengue Shock Syndrome with Dengue Encephalitis*. Risiko jangkitan Denggi kemungkinan berpunca dari sebuah rumah yang mempunyai pembiakan Aedes daripada 302 rumah yang diperiksa dikawasan tersebut dan kompaun maksima RM500 telah dikenakan terhadap penghuni premis tersebut. Disamping itu, lokaliti kediaman pesakit juga merupakan kawasan wabak yang bermula 23 Oktober 2010 yang sehingga kini telah melaporkan sebanyak 8 kes. Aktiviti semburan kabus telah dijalankan pada lebih dari 95% daripada 685 rumah di kawasan tersebut. Masyarakat setempat telah menjalankan aktiviti gotong-royong pada 12 November 2010 bagi menghapuskan tempat pembiakan nyamuk Aedes yang boleh menyebabkan Demam Denggi.

Kes kedua melibatkan seorang lelaki berusia 34 tahun dari Georgetown, P.Pinang. Beliau mula demam pada 14 November dan telah mendapat rawatan selama dua hari berturut-turut iaitu pada 15 dan 16 November

2010 di sebuah klinik swasta. Empat hari kemudian iaitu pada 20 November 2010, pesakit yang masih lagi mengalami demam telah dibawa untuk mendapatkan rawatan di sebuah hospital swasta dan terus dimasukkan ke wad. Walau bagaimanapun, beliau meninggal dunia sejurus kemudian dengan sebab kematian *Dengue Shock Syndrome*. Pemeriksaan yang dijalankan di kawasan yang terbuka berhampiran kediaman pesakit terdapat 7 bekas mempunyai pembiakan Aedes daripada 214 bekas yang diperiksa dikawasan tersebut. Tempat pembiakan yang dijumpai ialah pada tikar getah, perangkap semut, tangki air terpakai dan tong berisi air. Walau pun kawasan ini tidak bersih namun tiada usaha masyarakat setempat untuk menjalankan aktiviti gotong-royong dikawasan tersebut. Aktiviti kawalan iaitu semburan kabus telah dijalankan di kesemua 204 buah rumah di kawasan tersebut.

Kes ketiga melibatkan seorang wanita berusia 43 tahun dari Sibu, Sarawak yang merupakan seorang penjaja di pasar tani bandar Sibu. Beliau yang mempunyai sejarah penyakit *Hypertension* dan *Diabetes mellitus*, mula demam, sakit perut, sakit kepala dan cirit birit pada 19 November 2010 walau bagaimanapun hanya mendapat rawatan pertamanya tiga hari kemudian iaitu pada 21 November di Hospital Sibu. Beliau yang seterusnya dimasukkan ke wad hospital tersebut pada hari yang sama kerana disyaki menghidap Demam Denggi dan disahkan melalui ujian darah positif untuk Virus Denggi. Setelah dirawat selama 3 hari dihospital, pesakit meninggal dunia pada 25 November dengan sebab kematian *Dengue Shock Syndrome*. Aktiviti kawalan iaitu semburan kabus telah dijalankan pada 22 November terhadap kesemua premis yang ada di sekitar kawasan kediaman dan tempat pesakit menjaja. Masyarakat setempat juga telah menjalankan aktiviti gotong –

royong pada 23 November 2010 bagi membersihkan kawasan dan menghapuskan tempat pembiakan nyamuk Aedes.

Sejumlah 141 lokaliti wabak denggi dipantau di seluruh negara dan daripada jumlah tersebut, 20 lokaliti *hot spots* dikenalpasti pada minggu lepas dengan melibatkan sebanyak 305 kes Demam Denggi (Lampiran C). Lokaliti hotspots ini juga masih melaporkan sebanyak 114 kes baru pada minggu tersebut. Lapan (8) atau 40% daripada 20 lokaliti *hot spots* ini masih mempunyai kadar pembiakan Aedes yang tinggi (Lampiran D). Hanya 4 atau 20% daripada 20 lokaliti hotspot sahaja yang menjalankan aktiviti gotong-royong. Aktiviti gotong royong dengan kerjasama penduduk setempat di semua lokaliti hotspot adalah sangat penting dalam memastikan penularan virus denggi boleh dicegah dan seterusnya menghalang keujudan kes Denggi baru di lokaliti tersebut.

Bagi Penyakit Chikungunya untuk tempoh 21hingga 27 November 2010, terdapat 2 kes dilaporkan, tidak berubah berbanding 2 kes yang dilaporkan bagi tempoh yang sama minggu sebelumnya. Jumlah terkumpul kes Chikungunya ialah 797 kes, penurunan sebanyak 84% atau 4,107 kes berbanding dengan 4,904 kes bagi tempoh yang sama pada tahun 2009 (Lampiran B).

(TAN SRI DATO' SERI DR. HAJI MOHD ISMAIL MERICAN)
Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia

29 November 2010

Lampiran A

KES DENGGI DILAPORKAN PADA MINGGU 47/2010
(21 hingga 27 November 2010)

Bil.	Negeri	Bilangan Kes dan Kematian di laporkan		Jumlah Terkumpul kes denggi sehingga minggu 47/2010	Jumlah Terkumpul kes denggi sehingga minggu 47/2009
		Minggu 47 (21 – 27 Nov 2010)	Minggu 46 (14 – 20 Nov 2010)		
1	Perlis	4	6	202	188
2	Kedah	10	10	711 (3)	690
3	P. Pinang	52 (1)	43	1,617 (6)	2,265 (1)
4	Perak	27	28	2,120 (6)	2,648 (2)
5	Selangor	178	167 (1)	15,544 (43)	17,215 (44)
6	WPKL & Putrajaya	61	45	4,008 (6)	3,431 (8)
7	N. Sembilan	12	9	1,467 (7)	897 (6)
8	Melaka	32	40 (1)	1,378 (12)	748 (5)
9	Johor	70 (1)	72	4,131 (11)	2,305 (3)
10	Pahang	58	47	1,474 (4)	846 (2)
11	Terengganu	28	24	1,354 (2)	895
12	Kelantan	28	29	3,443 (11)	975 (1)
13	Sarawak	40 (1)	49	4,065 (14)	3,128 (3)
14	Sabah	29	21 (2)	2,012 (3)	1,023 (3)
15	WP Labuan	0	0	17	24
	MALAYSIA	**629 (3)**	**590 (4)**	**43,543 (128)**	**37,278 (78)**

Nota: ( ) Kematian

Lampiran B

KES CHIKUNGUNYA DILAPORKAN PADA MINGGU 47/2010
(21 – 27 November 2010)

Bil	Negeri	Bilangan Kes		Jumlah Terkumpul kes Chikungunya sehingga minggu 47/2010	Jumlah Terkumpul kes Chikungunya sehingga minggu 47/2009
		Minggu 47 (21 - 27 November 2010)	Minggu 46 (14 – 20 November 2010)		
1	Perlis	0	0	0	35
2	Kedah	0	0	0	784
3	P. Pinang	0	1	6	343
4	Perak	0	0	3	402
5	Selangor	0	0	29	424
6	WPKL & Putrajaya	0	0	1	95
7	N. Sembilan	0	0	1	31
8	Melaka	0	0	0	0
9	Johor	0	0	9	157
10	Pahang	0	0	1	71
11	Terengganu	0	0	1	59
12	Kelantan	0	0	2	438
13	Sarawak	0	1	544	1,996
14	Sabah	2	0	191	69
15	WP Labuan	0	0	9	0
	MALAYSIA	**2**	**2**	**797**	**4,904**

Lampiran C

SENARAI LOKALITI *HOT SPOTS* DILAPORKAN SEHINGGA MINGGU 47 BAGI TAHUN 2010

Bil	Negeri	Daerah/Zon/ PBT	Lokaliti	Jumlah Kes	Tempoh Wabak Berlaku (Hari)
1	SELANGOR	MPS (GB)	Kg Rajah Rawang	17	67
2	SELANGOR	MPAJ (GB)	AU2 Taman Keramat (Zon A)	28	60
3	SELANGOR	Hulu Langat	Hentian Kajang	18	56
4	SELANGOR	Gombak	Taman Desa Jaya Kepong	24	55
5	SELANGOR	Gombak	IPD Gombak	14	48
6	SELANGOR	Hulu Langat	Fasa 6 Seksyen 4 Bandar Baru Bangi	18	45
7	SELANGOR	MPS (GB)	Rawang Perdana Fasa 4	18	45
8	SELANGOR	Hulu Langat	Fasa 3 Seksyen 4 Bandar Baru Bangi	8	42
9	SELANGOR	Gombak	Taman Sri Ehsan	13	42
10	SELANGOR	Hulu Langat	Taman Tenaga	11	38
11	SELANGOR	Hulu Langat	Seksyen 2 Bandar Baru Bangi	6	37
12	SELANGOR	MPAJ (GB)	Taman Rawang Perdana Fasa 5 Flat	8	31
13	SELANGOR	MPKj (HL)	Taman Putra	7	30
14	WPKL	Setapak	Setapak Jaya (Asrama Sizwazah UTM, Jln Rejang 1-14)	14	51
15	WPKL	Kepong	PPR Pekan Batu	12	35
16	WPKL	Pusat Bandar	Flat Sri Selangor	10	42
17	WPKL	Klang Lama	Vista Angkasa	8	33
18	JOHOR	MPJBT	Bandar Seri Alam, Jln. Tasek	7	43
19	JOHOR	MPJBT	Taman Nusa Printis 1, Jln. Medan	20	37
20	MELAKA	Melaka Tengah	Taman Peruna,Sg Udang	44	35

Lampiran D

SENARAI LOKALITI *HOT SPOTS* YANG MASIH MEMPUNYAI KADAR PEMBIAKAN NYAMUK AEDES YANG TINGGI PADA MINGGU 47 BAGI TAHUN 2010 (21 hingga 27 November 2010)

Bil	Negeri	Daerah/Zon/ PBT	Lokaliti	Peratus rumah positif daripada jumlah rumah diperiksa (%)	Jum. bekas positif daripada 100 rumah diperiksa
1	SELANGOR	MPAJ (GB)	AU2 Taman Keramat (Zon A)	33.3	33
2	SELANGOR	GOMBAK	IPD Gombak	2.4	14
3	SELANGOR	HULU LANGAT	Fasa 6 Seksyen 4 Bandar Baru Bangi	2.0	4
4	SELANGOR	HULU LANGAT	Fasa 3 Seksyen 4 Bandar Baru Bangi	1.1	1
5	SELANGOR	HULU LANGAT	Taman Tenaga	2.5	4
6	WP KL	PUSAT BANDAR	Flat Sri Selangor	1.1	1
7	JOHOR	MPJBT	Taman Nusa Printis1, Jalan Medan	3.6	4
8	MELAKA	MELAKA TENGAH	Taman Peruna, Sg Udang	4.8	5